

# MESYUARAT PEMERINTAHAN PANGLIMA WILAYAH UDARA 1 SIRI 1/2019

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4856-mesyuarat-pemerintahan-panglima-wilayah-udara-1-siri-1-2019](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4856-mesyuarat-pemerintahan-panglima-wilayah-udara-1-siri-1-2019)

GONG KEDAK, 19 Apr 19 - Mesyuarat Pemerintahan Panglima Wilayah Udara 1 Siri 1/2019 telah dilaksanakan dengan jayanya di Dewan Puteri Pangkalan Udara Gong Kedak. Mesyuarat perasmian ini telah bersidang selama 2 hari bermula 18 hingga 19 Apr 19 yang disempurnakan oleh Panglima Wilayah Udara 1, Mej Jen Dato' Zahani bin Zainal Abidin TUDM. Tujuan mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan dan mempertingkatkan tahap kopetensi anggota dan kesiapsiagaan operasi di setiap Pangkalan dan Skuadron serta mencapai Visi dan Misi Markas Wilayah Udara 1. Turut hadir Ketua Staf, Komander Pangkalan dan Pegawai Memerintah Skuadron/Cawang di bawah naungan Markas Pemerintahan Wilayah Udara 1.

Selain itu, turut diadakan Pemeriksaan Tahunan Panglima Wilayah Udara 1 di Pangkalan Udara Gong Kedak bagi mengukur tahap kesiagaan dan kompetensi pangkalan dan unit-unit serta menyelaraskan keperluan pentadbiran dan bantuan logistik di Pangkalan Udara Gong Kedak. Turut diadakan aktiviti riadah iaitu program hiking Bukit Puteri 6km antara tim Mesyuarat Pemerintahan Panglima Wilayah Udara 1 bersama warga Pangkalan Udara Gong Kedak di Laman Puteri Pangkalan Udara Gong Kedak.



